

03 AUG 2002

Mahathir-Afrika/I

LID AKAN TERUS BABITKAN NEGARA-NEGARA AFRIKA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Penyertaan pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) tidak akan dikembangkan kepada negara lain selain Benua Afrika, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata tidak ada rancangan untuk memasukkan negara dari benua lain.

"Jika kita libatkan terlalu banyak negara, ia akan melumpuhkan dialog itu. Kita tidak akan dapat mengumpul ramai ketua-ketua negara/kerajaan pada masa yang sama kerana dalam satu tahun ada tujuh atau lapan mesyuarat membabitkan ketua negara dan terdapat hanya 12 bulan setahun yang bermakna hampir setiap bulan kita akan bertemu."

Dr Mahathir berkata membuka penyertaan kepada pemimpin dari benua lain tidak berdaya maju kerana mustahil kita dapat memadamkan jadual waktu mereka yang berbeza.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media pada sesi di luar LID Global 2002 (Global 2002) yang berakhir hari ini selepas menjayakan siri-siri dialog perkongsian pintar yang berlangsung selama tiga hari.

Mengenai Global 2002, Dr Mahathir berkata sesi-sesi dialog kali ini lebih pelbagai, dengan lebih banyak aktiviti bagi membolehkan peserta berinteraksi secara bebas.

"Seperti yang kamu lihat, peserta memberi ulasan ringkas, diikuti perbincangan dan melaporkan semula hasil rundingan dan kita berjaya membincangkan banyak isu," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata aktiviti pada Global 2002 berguna untuk negara-negara membangun kerana mereka boleh mempelajari pengetahuan daripada orang lain yang melalui pengalaman yang sama.

Beliau berkata LID berguna untuk Malaysia, ahli perniagaan tempatan dan pegawai kerajaan yang telah mempelajari lebih mendalam masalah yang dihadapi oleh negara-negara Afrika.

"Sebenarnya, kita tidak mempunyai kelas untuk perdana-perdana menteri dan presiden, mereka tidak menghadiri kelas tetapi tahun ini, kita ada kelas tempat belajar sesuatu mengenai tugas mereka," kata Perdana Menteri.

Ditanya sejauh mana Malaysia telah mendapat manfaat daripada LID, Dr Mahathir berkata negara mendapat banyak faedah kerana ia mempunyai kedudukan terbaik untuk mengamalkan pengetahuan yang diperolehi pada dialog itu.

"Banyak yang kita pelajari...bagi membolehkan kita menjalankan perniagaan dengan mereka yang kita mesti tahu dasar dan undang-undang mereka, kita juga perlu mengenali pemimpin mereka.

"Saya suka menyatakan bahawa kita yang paling banyak mendapat manfaat yang bukan kita rancang lakukan walaupun mereka (negara-negara Afrika yang menyertai) berminat untuk menjayakannya, keupayaan mereka adalah terhad dan mahu mempelajari daripada kita.

Perdana Menteri juga berkata beliau tidak berpuas hati dengan tahap kerja sama yang terjalin antara negara-negara Selatan.

"Saya masih belum berpuas hati, terutama dalam pelbagai isu yang membabitkan kepentingan bersama, sebagai contoh, kita gagal mencapai persetujuan mengenai apa yang harus dilakukan untuk Palestin," katanya.

Mengenai isu-isu yang dibincangkan pada mesyuarat dua hala dengan ketua negara/kerajaan yang menghadiri Global 2002, Dr Mahathir berkata mereka membincangkan mengenai masa depan LID.

"Lebih ramai berminat dengan mesyuarat ini (LID). Tahun ini (para

pemimpin dari) Kyrgyz datang, Rwanda datang...mereka yang tidak menjadi ahli, berminat menyertai LID. Kami juga berbincang cara membiayai kewangan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM)," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menghadiri LID akan datang, Dr Mahathir berkata: "Saya akan datang jika dijemput."

Dr Mahathir yang juga penaung dan penasihat Global 2002, akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan.

-- BERNAMA

SR SHY LAT